

Memperkasa kompetensi modal insan

DR MAHSHITAH ABDUL MANAN

Kualiti modal insan terutama dalam meningkatkan jati diri individu dan penjawat awam amnya amat perlu terutama ketika negara sedang berada dalam fasa Kerajaan Digital di mana wujudnya *convergence* atau kesepaduan antara kehidupan maya dan dunia sebenar.

Era Kerajaan Digital telah menyaksikan berlakunya lambakan maklumat (*information overload*) dalam media sosial seperti Facebook, Twitter, YouTube, Instagram, Blog dan lainnya iaitu permulaan budaya kehidupan masyarakat. Mendepani fenomena "maklumat di hujung jari", maju dan mundur sesebuah negara bergantung pada kebijaksanaan, kualiti diri dan jati diri modal insan negara.

Modal insan yang memahami tanggungjawab kepada negara akan menyahut seruan ini melalui pembangunan keilmuan. Langkah mula pastinya bertitik tolak dengan pembangunan sendiri modal insan itu sendiri dengan menggarap pelbagai ilmu formal dan tidak formal sebagai bekalan diri dan mengaplikasikannya bagi meningkatkan kualiti kerja

dan produktiviti negara. Dalam era digital ketika akses kepada ilmu semakin terbuka, pembangunan modal insan boleh diperkukuh walau di mana saja seseorang itu berada.

Program pembelajaran secara bersistematik berasaskan kepada keperluan amat penting dalam membangunkan kompetensi sumber manusia sektor awam. Program pembelajaran untuk organisasi sektor awam dengan itu harus direka bentuk dan dibangunkan secara bersistematik agar berupaya memantapkan kemahiran, pengetahuan dan sikap yang diperlukan untuk memperkukuhkan daya kreativiti dan meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam.

Pendekatan pembelajaran ini boleh dilakukan melalui *on-the-job training* yang akan memberi pendedahan terhadap kesempurnaan dalam pelaksanaan sesuatu pekerjaan. Perkongsian pengalaman, idea dan percambahan pemikiran menerusi pembelajaran dapat memantapkan lagi pembangunan kompetensi penjawat awam pada tahap terbaik. Pembangunan kompetensi dan profesionalisme ini membolehkan penjawat awam melaksanakan proses kerja yang efektif

dan menunaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Era ledakan maklumat membawa bersamanya tuntutan pembelajaran sepanjang hayat yang secara tidak langsung mendesak individu supaya sentiasa mendapatkan akses kepada pengetahuan secara berterusan. Berasaskan keperluan yang mendesak ini, penyampaian pembelajaran melalui penggunaan latihan tradisional dan institusi konvensional tidak lagi mencukupi.

Mendakap pembelajaran digital merupakan kaedah imperatif bagi memastikan penjawat awam berupaya menangani cabaran dan perubahan persekitaran yang dinamik serta mampu memenuhi keperluan *stakeholder* (pemegang taruh) dan pelanggan. Kerajaan telah menyediakan infrastruktur pembelajaran maya bagi merealisasikan hasrat penjawat awam untuk mempertingkatkan ilmu. Pembelajaran maya menjadi pilihan yang lebih efisien untuk mengetepikan kekangan dari segi masa, geografi dan kos.

Pembelajaran digital mampu mewujudkan suasana dan pengalaman baru mengikuti latihan berterusan kepada penjawat awam.

Pelaksanaan inisiatif E-pembelajaran Sektor Awam atau EPSA* yang diterajui oleh Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) telah dapat mempertingkatkan kualiti modal insan sektor awam menerusi pembelajaran. Sistem pembelajaran dalam talian menerusi EPSA* telah dicetuskan oleh realiti supaya keperluan latihan sektor awam dapat dipenuhi sepenuhnya. EPSA* telah melakar transformasi baharu tanpa bergantung kepada pembelajaran di dalam kelas sahaja dengan menawarkan platform pembelajaran interaktif yang boleh dicapai secara mobile.

Kini EPSA* telah menawarkan lebih 250 kursus dalam pelbagai bidang pengetahuan seperti kepimpinan, etika dan integriti, pembangunan sendiri, kesihatan, ICT dan lain-lain lagi secara percuma untuk penjawat awam. Kandungan dalam EPSA* juga semakin berkembang dengan lebih daripada 20 kementerian dan agensi awam telah menyumbang kepakaran masing-masing untuk memperkayakan kursus EPSA*. Pengguna EPSA* yang berjaya menamatkan pembelajaran dalam kursus yang diikuti telah meningkat daripada 28,985 (2015) ke-

pada 275,003 mutakhir ini. Malahan pengguna aktif EPSA* kini juga telah meningkat kepada lebih 600, penjawat awam.

Kejayaan EPSA* menawan hati penjawat awam ini antara lain didasari oleh elemen transformasi yang dibawanya. Bercirikan gamifikasi (*gamification*), modul pembelajaran EPSA* dapat memupuk semangat persaingan positif antara pengguna.

Proses pembelajaran berterusan sepanjang hayat menerusi aplikasi digital membolehkan modal insan penjawat awam memperkasa daya kreativiti dan produktiviti perkhidmatan awam. Pencapaian ini pastinya dapat membantu mempercepatkan transformasi perkhidmatan awam bagi menyokong peralihan kepada sebuah negara maju dan inklusif.

**Dr Mahshithah Abdul Manan ialah Timbalan Ketua Kluster Kluster Inovasi Teknologi Pengurusan (i-Imatec) Institut Tadbiran Awam Negara*